

Cawangan Sungai Gombak, Klang punca kotor

Oleh NURUL IZZA ROSLY
dan SUHANA MD. YUSOP
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Segala macam sampah yang selama ini menjadi 'tetamu' kepada Sungai Gombak dan Klang sebenarnya berpunca daripada lebih lapan buah sungai yang mempunyai rangkaian dengan kedua-dua sungai tersebut.

Antara sungai yang turut menjadi penyumbang kepada sungai itu ialah Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Jinjang, Sungai Bunus, Sungai Untut, Sungai Belongkang, Sungai Kerayong dan Sungai Persin.

Menurut sumber Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penyumbang terbesar kebanyakan sampah-sarap terutamanya jenis sampah domestik adalah dari Sungai Gombak kerana masih terdapat banyak penempatan

sempadan dan industri kecil di sepanjang tepian sungai tersebut.

"Kebanyakan sampah yang dibuang ke dalam sungai adalah sampah domestik seperti beg-beg plastik berisi sampah, bekas-bekas makanan, serpihan kayu, pokok pisang, tilam, beg pakaian lama atau topi keledar buruk.

"Malah ada kontraktor yang bertugas membersihkan perangkap sampah terjumpanya mayat yang tersangkut di perangkap berkenaan dan ini menyebabkan kami pelik mengapa mayat juga dibuang ke dalam sungai," ujarnya.

Sumber tersebut turut memberitahu, punca longgokan sampah di kedua-dua sungai utama tersebut adalah daripada sikap ambil mudah serta sambil lewa sesetengah pihak yang membuang sampah di situ tanpa memikirkan akibatnya.

Malah, tindakan mereka ini sebenarnya mengundang lebih banyak masalah kerana sampah-sarap ini akan turut menyumbang kepada berlakunya banjir kilat.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa batang sungai sekitar bandar raya mendapati, tahap kebersihan di setiap sungai tidak memuaskan mahupun jumlah sampah yang hanyut tidak sebanyak mana kerana adanya sistem perangkap sampah.

KOSMO 05/02/09 M/s 13



SEORANG petugas, Khairuddin Osman menunjukkan longgokan sampah-sarap yang terperangkap di Sungai Klang, Kuala Lumpur semalam.

Bagaimanapun, daripada tinjauan tersebut juga mendapati ada di antara perangkap sampah yang digunakan tidak berfungsi dengan sempurna untuk menahan sampah daripada mengalir dan tidak kurang juga perangkap sampah yang tidak dibersihkan secara keseluruhannya.

Biarpun kerajaan telah menetapkan tempoh dari 2006 hingga 2010 bagi mencantikkan Sungai Klang namun tempoh yang hanya berbaki setahun sahaja itu masih belum menampakkan sebarang hasil yang memuaskan.

Sepanjang menyusuri sungai, *Kosmo!* mendapati, terdapat beberapa lokasi yang menjadi punca pembuangan sampah iaitu dari kilang penempatan kampung di tepi sungai dan setinggan selain mengundang bau busuk.

Seorang pekerja kontraktor yang ditugaskan membersihkan sungai, Nasiran Anhar (*gambar kecil*), 48, yang ditemui di bawah jambatan Sungai Klang berdekatan stesen LRT Damai di sini mengakui bahawa pencemaran di sungai tersebut semakin teruk.

"Bila saya mengutip sampah pada sebelah

pagi, sebelah petangnya ada lagi sampah malah ia tidak pernah putus dan semakin teruk.

"Macam-macam benda yang boleh dilihat, plastik, kayu, besi, tong-tong juga banyak dan ia menyebabkan sampah ini tersangkut sehingga mencaatkan pemandangan," katanya yang lebih 10 tahun menjadi pengutip sampah di sungai tersebut.

Jelasnya, banyak faktor yang menjadi penyumbang kepada timbunan sampah-sarap di sepanjang sungai tersebut seperti pembuangan sampah oleh lori-lori kecil secara haram atau individu yang tidak bertanggungjawab.

"Sepanjang apa yang saya tahu daripada pengamatan dan kata-kata orang, sampah di Sungai Klang banyak datang dari daripada gerai-gerai yang ada di sepanjang sungai, peniaga di pasar-pasar basah dan penduduk-penduduk di tepi sungai.

"Malah ada juga muda-mudi yang melepak di tepi-tepi sungai, makan di tepian sini dan mengambil langkah mudah dengan membuang bekas-bekas makanan dan minuman ke dalam sungai ini," ujarnya kecewa.